

bnh

PARLIMEN - SPR
KEMPEN PENDAFTARAN PEMILIH SEKARANG BERKESAN : MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) - - Kempen pendaftaran pemilih yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) sekarang adalah berkesan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri. Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Melalui kempen itu, jumlah warganegara yang berdaftar sebagai pemilih meningkat sepanjang masa, kata beliau menjawab soalan Encik Kerk Kim Hock (DAP-Pasir Pinji) dan Encik Ibrahim Mahmood (PAS-Kuala Krai) semasa persidangan Dewan Rakyat di sini.

Katanya, SPR masih lagi mengkaji dan meneliti cadangan untuk mengadakan urusan pendaftaran pemilih sepanjang tahun.

Dr Mahathir juga berkata, sebanyak 8,758 jumlah pemilih yang berganda nama dan nombor kad pengenalan terdapat dalam daftar pemilih yang digunakan pada pilihan raya umum 1990.

Bilangan yang terbanyak mengikut negeri ialah Selangor dengan 1,630, Sabah (1,570) dan Johor (1,006), katanya. -- Lagi

▼09/12/15-53MST

CNS7680

R GB 09-12 00164 BH421

bah

Parlimen - SPR 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, SPR boleh mengesan para pemilih yang berganda nama dan nombor kad pengenalan dalam daftar pemilih.

Dr Mahathir berkata, pergandaan ini terdapat dalam daftar pemilih kerana ada pemilih yang bertukar alamat tetapi telah mendaftar sebagai pemilih baru disebabkan pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih dilakukan setiap tahun.

Pengesanan pergandaan pada tahun 1990 tidak sempat dibuat kerana daftar pemilih terpaksa disediakan serta merta untuk pilihan raya umum dan perkara ini telahpun diatasi, kata Perdana Menteri.

Mengenai pemilih yang meninggal dunia, katanya, SPR sentiasa menyemak senarai kematian yang terdapat di Jabatan Pendaftaran Negara dalam usaha untuk membatalkan nama mereka dari daftar pemilih.

Menjawab soalan tambahan Wan Mohamed Jamin Mahmood (PAS-Tumpat), Dr Mahathir berkata, kerajaan sedang mencari satu sistem bagi mengatasi masalah mereka yang sengaja mendaftar dua kali di kawasan yang berlainan.

Katanya, pendaftaran secara automatik ketika mencapai umur 21 tahun tidak dapat mengatasi masalah ini. -- Bernama

▼09/12/15-55MST